

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI KUMPULAN SYARIKAT KENANGA

Di Kumpulan Kenanga (terdiri daripada Kenanga Investment Bank Berhad dan kumpulan syarikatnya termasuk subsidiari-subsidiarinya and syarikat-syarikat berkaitan), kami menghargai Data Peribadi anda dan berusaha untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dilindungi selaras dengan undang-undang Malaysia. Keselamatan Data Peribadi anda adalah penting kepada kami dan kami akan mengekalkan langkah-langkah sesuai dari segi fizikal, teknikal dan organisasi bagi memastikan keselamatan dan kesulitan Data Peribadi anda.

Kami boleh menyimpan dan memproses Data Peribadi dalam komputer kami dan/atau sistem di mana-mana sahaja letaknya dalam apa-apa juga medium. Kami boleh menyimpan Data Peribadi sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan bagi tujuan perniagaan yang sah, undang-undang, peraturan dan keperluan dalaman. Kami boleh, kemudiannya, memadam rekod ini sekiranya tidak diperlukan atau apabila dibenarkan oleh undang-undang.

Sesetengah laman dalam laman sesawang kami memasukkan pautan dengan laman sesawang pihak ketiga. Laman ini dikawal oleh pernyataan peribadi masing-masing dan kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan peribadi mereka, operasi dan kandungan pautan tersebut. Anda dinasihatkan untuk menyemak pernyataan peribadi tapak web tersebut sebelum memberikan apa-apa maklumat. Ingatlah bahawa komunikasi Internet tidak dijamin keselamatannya. Kami tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab bagi akses yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga dan/atau kerosakan maklumat/data yang dihantar oleh mana-mana individu kepada kami melalui komunikasi Internet atau mel elektronik.

Kumpulan Kenanga akan mengumpul, memproses dan menggunakan Data Peribadi anda mengikut Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis PDP") ini. Notis PDP ini memerihalkan jenis Data Peribadi yang dikumpulkan dan cara kami mengumpul Data Peribadi tersebut, bagaimana kami menggunakan Data Peribadi anda, pihak-pihak yang mana anda telah memberi kebenaran untuk mendedahkan Data Peribadi anda, pilihan yang kami tawarkan dan hak-hak anda terhadap Data Peribadi anda termasuk cara mengakses dan mengemaskinikan Data Peribadi anda.

### Jenis data and maklumat yang kami kumpulkan

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi dan maklumat anda termasuk dan tidak terhad kepada, maklumat untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda (termasuk imej anda), maklumat hubungan, data kewangan, kepercayaan kredit, data lokasi, rakaman audio, dan maklumat lain yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami ("Data Peribadi"). Kami mungkin mendapatkan Data Peribadi tersebut daripada anda sendiri atau daripada pelbagai sumber, termasuk apabila anda memohon mana-mana produk and perkhidmatan kami, melalui hubungan anda dengan kami, melalui peranti mudah alih anda, dari rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami, dari analisis cara anda menggunakan dan mengurus akaun/fasiliti dengan kami, dari sumber awam atau rekod-rekod pendaftaran; pihak berkuasa kerajaan, pihak pengawalseliaan dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang; daripada pihak ketiga atau mana-mana sumber yang mana anda telah memberi kebenaran untuk mendedahkan Data Peribadi dan/atau di mana tiada sekatan; dan/atau daripada sebarang maklumat yang diberikan dan/atau dikumpul apabila anda melawat laman web kami termasuk peranti mudah alih atau alamat IP komputer anda daripada sebarang maklumat yang dikumpul melalui 'cookies' di sesetengah laman web kami. Kami mungkin menggunakan 'cookies' untuk beberapa tujuan, termasuk menyimpan pilihan anda terhadap sesetengah jenis maklumat atau produk tertentu, analisis lanjut bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, untuk mempertingkatkan produk dan/atau menyesuaikan perkhidmatan kami khusus buat anda. Anda boleh menyelaraskan penetapan pada pelayar dan/atau peranti mudah alih anda supaya anda diberitahu apabila anda menerima 'cookie' atau alat pengesanan lain yang serupa. Sila rujuk kepada dokumen pelayar anda untuk memastikan sama ada alat pengesanan telah dipasang di komputer dan/atau peranti mudah alih anda atau untuk meminta untuk tidak menerima 'cookie' atau melumpuhkan 'cookie' jika anda tidak mahu maklumat anda dikumpul melalui penggunaan 'cookie'.

### Penggunaan dan Pendedahan Maklumat

Kami boleh menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda bagi tujuan yang berikut di dalam dan/atau di luar Malaysia ("Tujuan"):

- Untuk menilai dan memproses permohonan anda untuk produk dan/atau perkhidmatan kami;
- Untuk mengurus dan mengekalkan akaun/fasiliti anda dengan kami;
- Untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda dan membantu institusi-institusi kewangan lain untuk melakukan pengesanan kredit anda;
- Untuk menilai keperluan kewangan anda;
- Untuk pengesanan jenayah atau fraud, penyiasatan, pencegahan, pendakwaan dan pematuhan kepada sekatan-sekatan termasuk mengenali pelanggan anda (KYC) dan pemeriksaan biasa orang yang terdedah kepada politik (PEP);
- Untuk memenuhi keperluan proses undang-undang sivil atau jenayah yang sah, kerajaan dan/atau badan kawal selia dan/atau untuk tujuan mematuhi peraturan dan/atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan (termasuk ahli-ahli negeri Kesatuan Eropah);
- Untuk tujuan pengutipan hutang dan penguatkuasaan tanggungjawab anda kepada kami;
- Untuk tujuan penyelidikan pasaran, analisis statistik dan kaji-selidik untuk tujuan menambah baik produk dan perkhidmatan kami;
- Untuk menyediakan anda dengan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kami serta pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda;
- Untuk membandingkan maklumat/data untuk memastikan ketepatan, dan menentukannya dengan pihak ketiga;
- Untuk penyelidikan, mereka bentuk dan memperbaiki produk dan perkhidmatan kami, proses perniagaan dan operasi;
- Untuk menyokong pengawasan, perancangan dan membuat keputusan dari segi perniagaan, kewangan and risiko;
- Untuk membalas aduan dan pertanyaan;
- Untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- Untuk memindahkan atau memberikan hak, kepentingan dan kewajipan kami di mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- Untuk melaksanakan perkhidmatan berkongsi di dalam Kumpulan Kenanga;
- Untuk tujuan penyumberan luar perniagaan dan operasi bilik belakang Kumpulan Kenanga;
- Untuk tujuan keselamatan terutama berkenaan Data Peribadi yang dikumpul daripada rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami atau mana-mana sistem pengawasan keselamatan;

- Untuk pemindahan kepada, penyimpanan dan pemrosesan Data Peribadi anda oleh pemberi perkhidmatan awan (cloud) samada di dalam ataupun di luar Malaysia untuk menjalankan mana-mana Tujuan yang dinyatakan di dalam Notis PDP ini;
- Untuk memindahkan Data Peribadi anda kepada bidang kuasa asing bagi membolehkan apa-apa urusan silang sempadan, untuk melaksanakan kontrak, untuk tujuan prosiding undang-undang, apabila mendapat permohonan secara bertulis daripada badan kawal atur asing atau pihak berkuasa kerajaan, untuk melindungi kepentingan anda atau apabila dikehendaki oleh kepentingan awam untuk berbuat demikian; dan/atau
- Bagi apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, perintah dan/atau garis panduan.

Pendedahan Data Peribadi anda mungkin melibatkan pemindahan Data Peribadi anda ke tempat di luar Malaysia, dan dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pemindahan tersebut yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta dan untuk pelaksanaan apa-apa obligasi kontrak anda dengan Kumpulan Kenanga, termasuk untuk tujuan penyimpanan.

Pada masa hadapan, kami berkemungkinan akan bergabung dengan, atau diperoleh oleh, syarikat lain. Jika perolehan sedemikian berlaku, anda membenarkan syarikat pengganti mengakses data yang disenggarakan oleh kami, termasuklah maklumat akaun, dan syarikat pengganti itu akan terus terikat oleh Notis PDP ini melainkan dan sehubungan Notis PDP ini dipinda.

Anda mungkin juga memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan orang lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemohon bersama, pasangan, pihak-pihak berkaitan dan/atau orang hubungan kecamasan) untuk Tujuan tersebut dalam keadaan tertentu. Dalam kes sedemikian, anda menyatakan dan menjamin bahawa anda telah mendapat atau mempunyai keizinan mereka atau anda berhak untuk memberikan maklumat mereka kepada kami bagi penggunaan, pendedahan dan pemrosesan menurut Notis PDP ini. Di mana Data Peribadi telah diberikan kepada entiti Bursa (termasuk Bursa Malaysia Berhad, Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad, dan Bursa Malaysia Derivatives Berhad) (secara kolektif dipanggil, "Bursa") untuk mana-mana Tujuan, termasuk tujuan mana-mana undang-undang dan pengawalselia, anda mengizinkan pemrosesan Data Peribadi oleh Bursa mengikut terma-terma notis data peribadi Bursa sepertimana disediakan di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

#### **Pendedahan Data Peribadi anda**

Data Peribadi anda akan disimpan dengan selamat dengan kami. Walaubagaimanapun, untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang efektif dan berterusan, kami mungkin dikehendaki untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut, tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan:

- syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Kenanga, dan agen-agen serta ahli-ahli gabungan atau sekutunya;
- penasihat profesional, kontraktor-kontraktor, pembekal perkhidmatan, agensi kutipan hutang dan agen-agen lain yang mana mempunyai perjanjian kontrak dengan kami berkenaan sesuatu fungsi dan perkhidmatan;
- agensi referensi kredit, agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans;
- pembekal perkhidmatan kewangan berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang dilanggan oleh anda;
- mana-mana penggabung atau penerima hak atau penerima pindahan (termasuk bakal penggabung/penerima hak/penerima pindahan) terhadap hak-hak dan/atau kewajipan kami di bawah mana-mana transaksi di antara anda dan kami;
- mana-mana penjamin atau pemberi sekuriti/jaminan untuk produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami kepada anda;
- mana-mana pihak berkuasa atau pengawal selia, termasuk pengawal selia bidang asing bagi melaksanakan fungsi-fungsi masing-masing, atau pihak-pihak di mana pendedahan diperlukan oleh undang-undang atau kerajaan, kuasi-kerajaan, pentadbiran, mahkamah atau tribunal;
- rakan strategik/niaga dengan mana kami mempunyai hubungan bagi sesuatu produk dan perkhidmatan tertentu;
- mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami; dan/atau
- mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda dan/atau diberi kebenaran oleh anda.

#### **Komunikasi Pemasaran**

Kami boleh juga menggunakan Data Peribadi untuk memasarkan produk dan perkhidmatan Kumpulan Kenanga dan melaksanakan pemasaran dan periklanan yang disasarkan, mengemas kini perkhidmatan, tawaran promosi dan bagi tujuan jualan silang sesama Kumpulan Kenanga. Anda mungkin menerima komunikasi pemasaran dari kami atau Kumpulan Kenanga bagi tujuan pemasaran langsung dan jualan silang. Bagi tujuan pemasaran langsung, Data Peribadi anda akan atau mungkin didedahkan kepada pihak ketiga termasuk, peniaga dan rakan niaga strategik Kumpulan Kenanga. Anda boleh memberitahu kami pada bila-bila masa sekiranya anda enggan menerima komunikasi pemasaran daripada kami dan/atau anggota Kumpulan Kenanga dengan menulis surat kepada Pegawai Data yang tertentu dan memberikan nama penuh anda, nombor Kad Pengenalan/Pasport (jika berkaitan) dan butiran akaun dan butiran apa-apa produk atau perkhidmatan yang anda mungkin ada dengan kami.

Kami mungkin, dari semasa ke semasa, mempunyai maklumat berkenaan promosi, produk dan servis yang ditawarkan oleh pihak ketiga. Melainkan anda telah memilih untuk menerima bahan pemasaran berkenaan promosi, produk dan servis yang ditawarkan oleh pihak ketiga dengan cara menulis kepada kami, anda tidak akan menerima sebarang komunikasi pemasaran berkaitan dengan bahan pemasaran tersebut. Dengan persetujuan anda untuk menerima bahan pemasaran tersebut, anda telah memberikan kebenaran anda kepada kami untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran berdasarkan Notis PDP ini.

#### **Mengakses/Membetulkan/Mengemaskini Maklumat**

Anda berhak untuk menyemak semula rekod Data Peribadi yang telah dikumpulkan oleh kami mengenai anda dan meminta Data Peribadi itu untuk dibetulkan. Jika terdapat apa-apa perubahan pada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi anda yang kami pegang adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan yang terkini, silalah menulis surat kepada Pegawai Data kami dengan menyatakan butiran seperti yang diminta oleh anda, nama dan nombor Kad Pengenalan/Pasport, atau anda boleh membuat permohonan kepada kami melalui Borang Permohonan Akses/Kemas Kini/Pembetulan Data (Data Access/Update/Correction Request Form). Bayaran mungkin dikenakan untuk perkhidmatan ini. Kami akan membetulkan atau mengemas kini maklumat/data tersebut secepat mungkin. Pegawai Data boleh meminta maklumat atau dokumen daripada anda untuk pengesahan orang yang membuat permohonan dan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pembetulan/pengemaskinian yang diminta untuk dibuat itu.

### **Pembuangan dan Sekatan terhadap pemrosesan**

Kami membenarkan anda untuk mengeluarkan sendiri apa-apa maklumat anda (kecuali maklumat yang perlu disimpan oleh kami bagi mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan, tujuan penyimpanan, atau jika ada alasan yang sah di bawah undang-undang seperti tuntutan undang-undang etc.) daripada pangkalan data kami atau meminta kami untuk menghentikan daripada memproses semua atau sebahagian daripada Data Peribadi dengan menyerahkan pemberitahuan bertulis yang dialamatkan kepada Pegawai Data kami. Kami akan mengambil jumlah masa yang munasabah untuk memproses notis tersebut. Sila ambil perhatian bahawa selepas memadamkan Data Peribadi anda, kemungkinan kami tidak boleh menyediakan perkhidmatan yang sama tahap kepada anda kerana kami tidak menyedari akan pilihan anda.

Dalam keadaan seperti ini, kami berhak untuk mengambil langkah-langkah tertentu sekiranya kami berpandangan dengan berbuat demikian, tidak membolehkan kami membekalkan produk dan perkhidmatannya atau melaksanakan tanggungjawab kami dengan memuaskan. Ini termasuklah hak kami untuk menolak untuk memberikan atau berhenti memberikan apa-apa kemudahan, produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

Di mana anda telah meminta kami untuk memadamkan Data Peribadi anda yang telah disebar ke domain awam dan anda mempunyai alasan yang sah untuk pepadaman tersebut, kami akan menggunakan cara-cara yang munasabah dan kos efektif untuk memberitahu pihak-pihak lain yang memaparkan Data Peribadi anda atau menyediakan pautan terhadap Data Peribadi anda untuk memadamkan Data Peribadi anda juga.

### **Mudah Alih**

Anda mempunyai hak untuk menerima Data Peribadi yang telah anda berikan kepada kami dalam format berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca oleh mesin, dan hak untuk meminta kami supaya menghantar Data Peribadi tersebut kepada pihak yang lain.

Sekiranya anda ingin kami menghantar Data Peribadi anda kepada pihak yang lain, kami hanya boleh berbuat demikian di mana penghantaran tersebut boleh dilaksanakan secara teknikal. Kami tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan Data Peribadi anda atau pemrosesan selepas diterima oleh pihak ketiga. Kami juga tidak boleh menyediakan Data Peribadi sekiranya penyediaan tersebut boleh menjejaskan hak pihak lain (e.g. di mana penyediaan Data Peribadi anda yang kami pegang boleh mendedahkan maklumat tentang pihak lain).

### **Pemprofilan**

Kami memproses beberapa Data Peribadi anda secara automatic dengan matlamat untuk menilai aspek peribadi tertentu (profil). Sebagai contohnya, kami menggunakan profil untuk keperluan undang-undang dan pengawalseliaan tertentu, untuk menghapuskan perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, penipuan, penilaian risiko dan kesalahan yang membawa bahaya kepada harta.

### **Pertanyaan dan Aduan**

Anda mempunyai hak untuk membantah pada bila-bila masa terhadap pemrosesan Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran terus, dan terhadap pemprofilan sekatan mengenai pemasaran terus dan setakat yang dibenarkan di bawah EU General Data Protection Regulations (GDPR), dan terhadap pemrosesan Data Peribadi anda under Tujuan.

Apa-apa pertanyaan, permintaan, kebimbangan, aduan atau melaksanakan hak-hak anda berkaitan dengan penggunaan Data Peribadi boleh diajukan kepada Pegawai Data yang berkenaan seperti di bawah:

Pegawai Data  
Kenanga Investment Bank Berhad,  
Aras 17, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2172 2888  
Email: [complaints@kenanga.com.my](mailto:complaints@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Futures Sdn Bhd,  
Aras 6, Kenanga Tower,  
Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-21722681  
Email: [kdfcomplaints@kenanga.com.my](mailto:kdfcomplaints@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Investors Berhad,  
Aras 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Talian Bebas Tol: 1-800-88-3737  
Email: [investorservices@kenanga.com.my](mailto:investorservices@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Islamic Investors Berhad,  
Aras 14, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Talian Bebas Tol : 1-800-88-3737  
Email: [investorservices@kenanga.com.my](mailto:investorservices@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Capital Sdn Bhd,  
Aras 11, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-21722888  
Email: [capitalDO@kenanga.com.my](mailto:capitalDO@kenanga.com.my)

Pegawai Data  
Kenanga Capital Islamic Sdn Bhd,  
Aras 11, Kenanga Tower,  
237, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-21723191  
Email: [dataofficerkci@kenanga.com.my](mailto:dataofficerkci@kenanga.com.my)

Apabila memohon untuk menggunakan atau untuk terus menggunakan perkhidmatan kami, anda adalah disifatkan sebagai telah bersetuju dengan terma Notis PDP ini. Jika anda tidak mengizinkan kepada terma di sini, sila hubungi kami melalui maklumat perhubungan yang disediakan di atas.

#### **E-Perkhidmatan**

Anda dengan ini membenarkan penghantaran Data Peribadi secara elektronik melalui E-Perkhidmatan kami, dengan kebenaran tersebut hendaklah berkuat kuasa sepanjang tempoh anda mengakses dan/atau menggunakan E-Perkhidmatan.

#### **Perubahan Notis PDP Kami**

Sila ambil perhatian bahawa kami boleh mengemaskinikan Notis PDP ini pada bila-bila masa melalui penyiaran pada laman sesawang kami. Anda dinasihatkan untuk melihat laman sesawang kami dari semasa ke semasa bagi apa-apa kemas kini atau versi terbaharu Notis PDP kami. Penggunaan perkhidmatan kami secara berterusan oleh anda hendaklah disifatkan sebagai penerimaan terhadap apa-apa kemas kini, semakan atau pindaan yang dilakukan pada Notis PDP kami.

Notis PDP ini telah dikemaskinikan terakhir pada Februari 2021.

#### **Penggunaan Bahasa**

Notis ini dikeluarkan dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

#### **Kebenaran dan Pengakuan**

Dengan memberikan kami Data Peribadi anda, anda telah memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda berdasarkan Notis PDP ini.

#### **Jika anda adalah badan korporat (bukan individu)**

Sekiranya anda telah memberi/mendedahkan Data Peribadi berkaitan dengan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah-pengarah, pemegang-pemegang saham individu, pekerja-pekerja, penandatanganan yang diberi kuasa, agen-agen, wakil atau mana-mana pihak lain yang berkaitan, anda menyatakan dan memberi jaminan kepada kami bahawa anda telah mendapatkan persetujuan dari pihak ketiga tersebut dan anda berhak untuk memberikan Data Peribadi pihak ketiga tersebut kepada kami bagi tujuan penggunaan kami, pemrosesan atau pendedahan berdasarkan Notis PDP ini.